

# Berupaya hingga **JAYA** ke menara gading



**FARID HAMZAH**  
farid@sph.com.sg

**AKU BOLEH!:**  
Encik Suhaimi Sudar membuktikan golongan seperti mampu berdiri sama tinggi sehingga berjaya memperoleh ijazah Sarjana Muda Sains (Ekonomi) daripada SMU. – Foto TAUFIK A. KADER



HENDAK seribu daya, tidak hendak seribu dalih. Mungkin itulah pegangan hidup Encik Suhaimi Sudar dalam mengharungi segala cabaran kehidupan.

Cabarannya pasti sukar bagi seorang seperti yang menghidap masalah kekejangan otot atau palsy serebral sehingga ia menjejaskan pertuturan serta keupayaannya menulis bagi meneruskan pendidikan, apatah lagi ke peringkat universiti.

Tetapi jejak bujang berusia 25 tahun itu membuktikan bahawa masalah yang dihadapinya sejak lahir itu bukan penghalang baginya belajar hingga ke menara gading.

Malah, lebih membanggakan beliau juga berjaya menamatkan pengajiannya dalam bidang ekonomi – subjek yang beliau anggap beliau lemah ketika di maktab rendah.

“Semasa mendapat keputusan peperiksaan GCE (Sijil Am Pelajaran) peringkat ‘A’ saya hanya raih gred D bagi subjek ekonomi.

“Tapi saya tetap pilih pengkhususan dalam ekonomi semasa di universiti untuk membuktikan yang saya mampu mengatasi kelemahan saya itu,” jelas bekas penuntut Maktab Rendah Innova itu.

Anak kedua tiga beradik lelaki itu berjaya menamatkan pengajiannya dan meraih ijazah Sarjana Muda Sains

(Ekonomi) dengan bidang sampingan dalam pengurusan operasi daripada Universiti Pengurusan Singapura (SMU).

Pada 2012 beliau menerima biasiswa bernilai \$20,000 daripada Yayasan Maritim Singapura dan Fednav Singapore Pte Ltd.

“Ia sesuatu yang membanggakan kerana semasa kecil beliau sukar berbual lancar dan pertuturannya juga kurang jelas.

Selain itu cara beliau berjalan juga kurang normal sehingga ke hari ini.

Disebabkan masalahnya itu beliau diberi masa tambahan setengah jam bagi setiap kertas Peperiksaan Tamat Sekolah Rendah (PSLE) dan kemudian antara setengah jam dengan 45 minit bagi peperiksaan GCE peringkat ‘O’ dan ‘A’ serta semasa beliau di universiti.

“Ini kerana saya masih mengambil masa agak lama menulis berbanding pelajar sejurusan akibat masalah palsy serebral yang saya alami,” ujarinya.

Yang hebatnya ialah semasa di SMU beliau juga mewakili negara dalam pasukan bola sepak di kejohanan Sukan Para Asean di Myanmar awal tahun ini dan berjaya mengondol pingat perak.

Selain itu Encik Suhaimi juga turut berlakon dalam pentas bertema Buatan Singapura anjuran Persadamu Kelab Budaya dan Bahasa Melayu SMU berjudul *Makoke? Cupcakes*.

Dalam pentas itu pelakon termasuk beliau sendiri, perlu menari dan menyanyi dalam beberapa adegan pentas muzikal itu.

Semua ini tidak akan mampu dicapainya tanpa usaha ibu bapanya yang tidak pernah berputus asa menghantarnya ke sesi-sesi terapi.

Ibunya, Cik Hawa Ahmad, 59 tahun, bekerja sebagai pegawai khidmat pelanggan, sementara bapanya, Encik Sudar Ahmad Rajo, 62 tahun, seorang pekerja pembersihan.

Kini Encik Suhaimi mampu bertutur dengan lebih jelas dan mudah difahami ramai.

Cik Hawa berkata beliau hanya menyedari Encik Suhaimi menghadapi masalah pertuturan berkaitan kekejangan otot semasa anaknya menuntut di sekolah rendah.

“Kebetulan sebelum itu saya sudah pun menghantarnya ke sesi-sesi terapi pertuturan kerana saya perasan beliau lambat bercakap.

“Saya rasa mungkin semasa berusia tiga setengah tahun barulah beliau mula bercakap, tapi itu pun sukar difahami.



**GIAT BERSUKAN:** Encik Suhaimi juga merupakan anggota pasukan bola sepak Cerebral Palsy Singapura. – Foto M.O. SALLEH

“Jadi, semasa kecil, setiap minggu saya akan hantar beliau ke sesi terapi pertuturan,” katanya.

Sesi terapi itu berlangsung sehingga anaknya itu menuntut di menengah satu. Atas sebab itu Cik Hawa tidak pernah menanam impian melihat anaknya itu ke universiti.

Lagi pun sejauh ini keputusan Encik Suhaimi semasa di sekolah rendah hingga maktab rendah “biasa-biasa sahaja”, katanya.

Justeru, beliau agak terperanjat apabila anaknya itu mampu mendaki hingga ke menara gading dan menamatkan pengajian ijazahnya.

“Terus terang saya tak pernah bayangkan yang beliau akan menjejakkan kaki ke universiti, apatah lagi menamatkan pengajiannya.

“Jadi, saya amat-amat bersyukur kerana sejauh ini usaha menghantarnya ke sesi terapi secara kerap membuahkan hasil juga,” ujarinya gembira.

Ditanya tentang rancangan beliau selanjutnya, Encik Suhaimi, yang telah ditawarkan pekerjaan dalam sebuah syarikat logistik perkapalan dari Belgium, berkata kini tiba masanya beliau membuktikan kemampuannya bekerja seperti kakitangan normal dalam syarikat itu.

“Saya telah membuktikan kemampuan menamatkan pengajian biarpun dalam keadaan saya begini. Kini giliran saya buktikan pula kepada pihak pengurusan kekuatan dan kebolehan saya menjalankan kerja,” katanya lagi.